

**MERPATI MAS**  
Nicobar Pigeon

FAMILI: Columbidae  
NAMA SAINTIFIK: *Caloenas nicobarica*



**CIRI-CIRI**

Burung dewasa bagi sub-spesies *C.n.nicobarica*, ia mempunyai warna keseluruhan yang agak gelap dengan bulu penutup ekor sebelah atas berwarna putih dan mempunyai ekor putih pendek yang nyata. Pada bahagian kepala, leher (termasuk bulu-bulu yang memanjang) dan dada berwarna hitam dengan hijau keemasan dan biru yang berkilat. Lain-lain bulu pelepah kebanyakannya berwarna biru dan hijau dengan bahagian atas badan berkilat seperti warna perak. Paruh burung ini berwarna hitam dan terdapat bonjolan pada atas paruh seakan-akan tanduk. Bagi burung juvenil, warna bulu adalah lebih pucat dan kecoklatan dengan bahagian kepala, belakang dan bawah badan berwarna coklat kehijauan yang sekata. Selain itu, tiada bulu-bulu memanjang pada bahagian leher dan bahagian ekor pula berwarna hijau kecoklatan gelap dengan bintik-bintik kebiruan. Panjang keseluruhan badan burung ini boleh mencecah 40.5 sm-41 sm.

**MAKANAN**

Ia bersifat *frugivorous* iaitu memakan buah-buahan.

**HABITAT**

Ia menghuni kawasan pulau-pulau kecil yang mempunyai pokok berkayu, tersebar meluas tetapi jarang sekali dapat dilihat di sekitar kawasan hutan tanah besar.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi dalam yang kasar seakan menderam atau menyalak *ku-RRAU* dan bunyi yang rendah *rrr-rrr-rrr-rrr*. Ia bersifat terrestrial (di bahagian bawah kanopi pokok; lantai hutan), dan akan berlari bagi mengelakkan bahaya atau terbang ke atas pokok untuk menyelamatkan diri.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah dari bulan April hingga Mei setiap tahun dengan burung betina menghasilkan sebiji telur di dalam sarang yang dibina pada pokok setinggi 3 m-8 m dari paras tanah.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya CITES, appendiks 1. IUCN, hampir terancam.